

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 31.3.2015

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah biasiswa atau *scholarship* yang telah diberikan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam kepada pelajar asing sejak tahun 2008-2015 berdasarkan tahun dan warganegara pelajar asing terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan penajaan kepada pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ke atas di Malaysia di bawah program seperti berikut:-

- (i) *Malaysia International Scholarship (MIS)*
- (ii) *Malaysian Technical And Cooperation Programme (MTCP)*
- (iii) *Commonwealth Scholarship And Fellowship Plan (CSFP)*

Dari tahun 2008 sehingga 2014, seramai 735 orang pelajar antarabangsa melibatkan 76 buah negara telah ditaja di bawah tiga (3) biasiswa ini.